



AKTIVITI BERSAMA: Antara aktiviti terkandung dalam Bengkel MALumni yang diadakan di UMS, baru-baru ini.

UMS menjadi tuan rumah Bengkel Strategik Majlis Universiti Awam

UB 07.05.2024 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah Bengkel Strategik Majlis Alumni Universiti Awam (MALumni) 2024 baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS merangkap Pengerusi Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia, Prof. Madya Dr. Raman Noordin berkata bengkel memfokuskan agenda dan perbincangan bagi memperkukuh fungsi serta peranan MALumni Universiti-universiti Awam Malaysia.

Katanya, bengkel turut

mengemas kini program yang akan dianjurkan tahun ini iaitu Majlis Anugerah Alumni (MAL23).

“Bengkel strategik ini telah berlangsung dua hari bermula 25 April dan dihadiri pengarah dan wakil pusat alumni universiti masing-masing.

“Antara perkara yang menjadi topik pada bengkel tersebut adalah memurnikan teras utama MALumni, semakan semula buku panduan pengurusan alumni serta perancangan program berimpak tinggi yang bakal dijalankan tahun ini dan tahun hadapan.

“MALumni merupakan platform bagi semua Pusat Alumni universiti awam menggembelng usaha ke arah memperkasa alumni seluruh negara,” katanya.

Bengkel yang diadakan di Bangunan Canselori UMS itu turut dihadiri Pengarah Pusat Alumni UMS, Dr. Arif Kamisan Pusiran serta Ketua Penolong Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Nurul Aida Mohd Nordin dan Penolong Pengarah Unit Khidmat Pengurusan BHEP KPT, Idura Yaakup.



ALBUM: Raman (tengah) mempengerusikan Bengkel Strategik MALumni 2024.